



21 Julai 2006 (Jumaat)

Wujudkan piawaian kira pampasan projek

KUALA LUMPUR 20 Julai - Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) hari ini meminta kerajaan mengadakan satu piawaian yang khusus untuk mengira jumlah pampasan yang perlu dibayar kepada projek yang terpaksa dibatalkan atau ditamatkan kontraknya.

Pengerusinya, Datuk Shahrir Samad berkata, peraturan tetap dari segi cara dan jumlah pembayaran pampasan perlu bagi memastikan kerajaan mempunyai 'standard' tertentu dalam membuat keputusan mengenai pembayaran pampasan.

"Memang semasa kita menandatangani projek, meluluskan projek, pilih kontraktor dan sebagainya, tak ada hasrat mana-mana pihak bahawa projek itu akan dibatalkan atau akan ditamatkan.

"Tetapi, sungguhpun demikian kita harus bersedia dengan senario yang kurang baik di mana mungkin timbul satu keadaan yang tidak disangka berlaku dan perkara itu akan melibatkan soal untuk menilai pampasan dan sebagainya," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat PAC di sini, hari ini.

Beliau berkata, Jabatan Audit Negara perlu mengadakan perbincangan dengan Kementerian Kewangan, Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri dan kementerian yang terlibat dengan pengawasan projek untuk merangka satu standard tetap mengenai perkara itu.

Shahrir berkata, perkara itu (piawaian) mungkin boleh dimasukkan dalam kontrak yang dibuat antara kerajaan dan kontraktor atau pihak yang dipilih melaksanakan sesuatu projek yang diputuskan kerajaan itu.

Masalah pembayaran pampasan itu adalah antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat PAC hari ini dan pada mesyuarat itu Jabatan Audit Negara memberikan tiga contoh projek yang kerajaan telah membayar pampasan kepada kontraktor terbabit.

"Apabila dilihat kepada contoh-contoh yang diberikan itu, tidak ada satu yang konsisten dari segi pertimbangan kepada jumlah pampasan yang hendak dibayar dan fakta yang nak kira serta berapa banyak yang patut dibayar," katanya.

Beliau berkata, mengikut Jabatan Audit Negara, terdapat dua komponen yang diambil kira dalam sesuatu projek yang dibatalkan iaitu dari segi perbelanjaan yang telah

dibelanjakan dan perlu dibayar balik kepada pihak syarikat; dan dari segi kehilangan keuntungan akibat daripada pembatalan projek berkenaan.

Isu pembayaran pampasan terhadap projek yang dibatal atau ditamatkan kontrak oleh kerajaan itu timbul berikutan masalah pampasan yang dituntut ekoran pembatalan projek jambatan kedua menggantikan tambak Johor.

“Kita tahu minat ramai sekarang ialah soal pembinaan jambatan menggantikan Tambak Johor dan sudah tentu ada perkara yang memerlukan pertimbangan berasaskan prinsip.

“Jawatankuasa berpendapat kita (perlu) tetapkan prinsip dulu, baru kita tentukan jumlah kewangan yang perlu dilibatkan,” katanya.

Shahrir berkata, turut dibincangkan pada mesyuarat itu ialah isu projek pembinaan bangunan Matrade yang melebihi kos dan masa yang ditetapkan.

“Jabatan Audit Negara telah menyerahkan laporan audit mengenai perkara itu kepada PAC dan ia akan dibincangkan pada mesyuarat jawatankuasa berkenaan akan datang, yang dijadual 10 Ogos ini,” katanya.

– BERNAMA-